

22/07/2000

Hiasi jalan, kediaman sempena kemerdekaan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Rakyat negara ini diminta mengindahkan kediaman serta jalan dengan lampu berwarna-warni bagi bersama-sama menjayakan Bulan Kemerdekaan yang akan disambut 15 Ogos hingga 16 September.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata tanpa sokongan dan kerjasama rakyat perayaan Bulan Kemerdekaan yang julung kali diadakan mungkin tidak meriah.

"Penduduk desa dan kota termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT) serta syarikat swasta mempunyai kebebasan mengindahkan kediaman masing-masing.

"Bagaimanapun, untuk penjimatan mereka yang tinggal di kampung tradisional boleh memasang pelita atau panjut manakala mereka yang tinggal di kampung baru iaitu masyarakat Cina boleh memasang tanglung," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Perayaan Bulan Kemerdekaan di kementeriannya, hari ini.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Shafie Apdal dan Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Kiat.

Bulan Kemerdekaan diadakan serentak dengan karnival jualan mega yang berlangsung mulai 5 Ogos hingga 5 September.

Abdul Kadir berkata, pihaknya sedang berusaha meminta Tenaga Nasional Berhad (TNB) memberikan harga istimewa ke atas tarif elektrik sepanjang perayaan karnival jualan mega dan Bulan Kemerdekaan berlangsung iaitu dari 5 Ogos hingga 16 September depan.

Katanya, pada dasarnya TNB bersetuju untuk memberikan potongan harga dan ia turut disokong oleh Kabinet.

"Pegawai kita sedang berbincang dengan TNB untuk mendapatkan potongan yang lebih murah," katanya sambil memberitahu program pengindahan itu adalah idea Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)